


BAHAGIAN A

[60 Markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Gambar berikut berkaitan dengan dua sumber ekonomi dalam pengeluaran.

**Gambar A****Gambar B**

Bezakan kedua-dua sumber ekonomi tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan sistem ekonomi.

Untuk mencapai status negara maju, sesebuah negara mesti memberikan kebebasan kepada semua untuk melakukan kegiatan ekonomi. Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan kerana sumber ekonomi dimiliki oleh pihak kerajaan dan swasta. Kerajaan akan mengawal pasaran supaya pihak swasta mengeluarkan barang yang memberi manfaat kepada pengguna.

Jelaskan kelebihan mengamalkan sistem ekonomi tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Situasi tersebut berkaitan penentu pemintaan.

Harga emas dijangka meningkat sehingga RM500 segram pada tahun-tahun mendatang

Dipetik dan diubahsuai www.bharian.com.my/ 02 April 2025

Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan kesan terhadap permintaan barang tersebut.

[5 markah]

- (d) Jadual 1 berkaitan dengan keanjalan harga permintaan bagi Barang X.

Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga
20	60

Jadual 1

- (i) Hitung nilai keanjalan harga barang tersebut.

.....

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan 1d(i) jelaskan strategi pengeluar untuk memaksimumkan jumlah hasil.

.....

[3 markah]

- 2 (a) Huraikan dua fungsi Bank Pusat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan seorang pempengaruh terkenal.

Khairul Amin bin Kamarulzaman atau dikenali Khairul Aming berhenti bekerja di syarikat multinasional untuk menjadi pencipta kandungan digital yang terkenal pada masa kini. Berkat usaha dan minatnya dalam industri makanan menjadikan beliau usahawan yang berjaya dalam bidang tersebut.

Mengapakah kerjaya tersebut menjadi pilihan Khairul Aming?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (c) Jadual 2 menunjukkan kos pengeluaran yang ditanggung oleh sebuah firma pada bulan Februari 2025.

Butiran	Jumlah (RM)
Sewa kilang	20 000
Upah buruh	35 000
Kos bahan mentah	60 000
Kos pengangkutan	20 000
Insurans kilang	2 000
Bil air dan elektrik	10 000

Jadual 2

- (i) Hitungkan :
- (a) Jumlah kos berubah

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Kos purata jika jumlah output ialah 5300 unit.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Tentukan jangka masa pengeluaran firma tersebut. Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan kerjasama dua buah syarikat pembuat kereta.

Kerjasama antara Proton Holdings Bhd (PROTON) dan Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely) memberi akses terhadap teknologi terkini kepada pengeluar kereta nasional itu.

Dipetik dan diubahsuai daripada : www.bharian.com

Bagaimanakah kerjasama ini mempengaruhi produktiviti syarikat tersebut?

[5 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan satu projek kerajaan.

KUALA NERANG: Pembinaan loji rawatan dan bekalan air di tapak projek Kedah Rubber City (KRC) di daerah Padang Terap perlu disegerakan untuk menyakinkan pelabur selain memastikan kemudahan asas itu siap sepenuhnya apabila projek mega itu beroperasi.

Sumber: www.astroawani.com, 2 Oktober 2021

- (i) Nyatakan jenis barang tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[1 markah]

- (ii) Mengapa kerajaan perlu melaksanakan projek tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan cukai yang dikenakan oleh kerajaan.

Cukai A	Cukai B
Bayaran yang dikenakan berdasarkan nilai sesuatu harta yang dipindah hak milik	Bayaran yang dikenakan atas barang penggunaan yang diimport dari luar negara

Bandingkan kedua-dua cukai tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan.

Malaysia Jadi Penghubung BRICS dan ASEAN bagi Pacu Kerjasama

KUALA LUMPUR: Malaysia yang dipilih antara rakan BRICS selain menggalas tanggungjawab Pengerusi ASEAN pada 2025, kini menjadi penghubung dalam mempejuang daya tahan ekonomi serantau serta kerjasama antara kedua-dua blok berkenaan. Kedudukan itu menawarkan peluang unik untuk Malaysia dalam menggalakkan negara-negara ASEAN meneroka potensi manfaat yang seiringan dengan BRICS.

Sumber : www.astroawani.com, 25 Oktober 2024

Jelaskan kesan positif kerjasama tersebut terhadap negara ahli.

[5 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar tukaran asing antara Yuan China (¥) berbanding Ringgit Malaysia (RM) dalam tempoh 2 tahun.

Tarikh	November 2023	Januari 2024
RM bagi Seunit ¥	0.6493	0.6470

Sumber: www.bnm.gov.my

Jika Syarikat Cahaya Elektronik mengimport barang dari China bernilai ¥70 000 pada bulan November 2023, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2024.

- (i) Hitung nilai yang dibelanjakan oleh Syarikat Cahaya Elektronik dalam Ringgit Malaysia.

[3 markah]

- (ii) Berikan justifikasi anda terhadap jawapan di 3(d)(i).

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan di bahagian ini

4. Maklumat berikut berkaitan dengan satu sektor ekonomi.

Bachok: Kerajaan menyasarkan sebanyak 100,000 tan metrik pengeluaran daging tempatan menjelang 2030. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, berharap sasaran itu dapat dicapai 100 peratus dalam masa terdekat atau sekurang-kurangnya 50 peratus. Negara masih mengimport 80% daging bagi memenuhi permintaan rakyat. Sehubungan itu, kementerian akan bekerjasama dengan kerajaan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor untuk mengusahakan tanah milik Kerajaan negeri sebagai pusat penternakan tersebut. Sebagai langkah awal, Kementerian akan menyalurkan bantuan kepada penternak RM20,0000 seorang.

Sumber: *Dipetik dan diubahsuai www.sinarharian.com*

- (a) Huraikan sektor ekonomi tersebut. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan keluk, jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap penawaran daging lembu tempatan. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan sasaran tersebut berjaya dicapai? [9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Prestasi Ekonomi Malaysia

KNDK Malaysia berkembang 5.1 peratus pada tahun 2024, meningkat daripada 3.6 peratus pada tahun 2023,didorong oleh permintaan domestik yang kukuh,aktiviti pelaburan yang tinggi dan peningkatan eksport yang berterusan.

Sumber dipetik dan diubahsuai daripada www.sinarharian.com

- (a) Mengapa perkembangan tersebut sangat penting kepada negara? [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan situasi tersebut kepada permintaan barang dan perkhidmatan. [7 markah]
- (c) Dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global, Malaysia perlu mengukuhkan permintaan dalam negara. Bincangkan. [9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dasar kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Maklumat 1	Maklumat 2																				
<p>PEMACU REVOLUSI PERTANIAN MODEN DI NCER</p> <p>Program IPR-INTAN dirangka bagi mencapai objektif strategik dalam menyokong agenda keterjaminan makanan, melahirkan tenaga mahir dalam pertanian moden dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Region</th> <th>Land Allocation (Ekar)</th> <th>Number of Cooperatives (Syarikat Peneraju)</th> <th>Number of Participants (Peserta)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Red Region</td> <td>125 ekar</td> <td>3 Syarikat Peneraju</td> <td>225 Peserta</td> </tr> <tr> <td>Yellow Region</td> <td>55 ekar</td> <td>2 Syarikat Peneraju</td> <td>110 Peserta</td> </tr> <tr> <td>Blue Region</td> <td>20 ekar</td> <td>2 Syarikat Peneraju</td> <td>100 Peserta</td> </tr> <tr> <td>Green Region</td> <td>25 ekar</td> <td>2 Syarikat Peneraju</td> <td>100 Peserta</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jangkaan Pendapatan Tahunan RM24,000 / perserta</p>	Region	Land Allocation (Ekar)	Number of Cooperatives (Syarikat Peneraju)	Number of Participants (Peserta)	Red Region	125 ekar	3 Syarikat Peneraju	225 Peserta	Yellow Region	55 ekar	2 Syarikat Peneraju	110 Peserta	Blue Region	20 ekar	2 Syarikat Peneraju	100 Peserta	Green Region	25 ekar	2 Syarikat Peneraju	100 Peserta	<p>IPR-INTAN NCER perkasa bidang pertanian negara</p> <p>Program Inisiatif Pendapatan Rakyat-Inisiatif Usahawan Tani (IPR-INTAN) Wilayah Ekonomi Utara (NCER) dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan pengeluaran hasil pertanian, sekali gus mengukuhkan agenda keterjaminan makanan. Pada masa yang sama, program ini dilihat berpotensi membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada pengimportan produk pertanian dan pekerja asing sekali gus memperbaiki imbalan akaun semasa negara.</p> <p><i>Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian</i></p>
Region	Land Allocation (Ekar)	Number of Cooperatives (Syarikat Peneraju)	Number of Participants (Peserta)																		
Red Region	125 ekar	3 Syarikat Peneraju	225 Peserta																		
Yellow Region	55 ekar	2 Syarikat Peneraju	110 Peserta																		
Blue Region	20 ekar	2 Syarikat Peneraju	100 Peserta																		
Green Region	25 ekar	2 Syarikat Peneraju	100 Peserta																		

- (a) Jelaskan jenis pendapatan yang terdapat dalam **Maklumat 1**. [7 markah]
- (b) Bagaimanakah **Maklumat 2** dapat memperbaiki imbalan akaun semasa negara? [4 markah]
- (c) Program tersebut memberi kesan baik kepada masyarakat.
Berikan pandangan anda [9 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan syarikat multinasional.

Perkongsian Malaysia, ARM lonjak pembangunan teknologi, tarik pelaburan – Penganalisis.

Perkongsian strategik antara Malaysia dan ARM Holdings Plc (ARM) dijangka bukan sahaja meningkatkan kedudukan negara dalam rantaian nilai global, malah membuka peluang lebih luas dalam pembangunan teknologi serta pertumbuhan ekonomi. Sebagai peneraju cip AI global, ARM boleh menjadi pemangkin kepada syarikat teknologi antarabangsa untuk menubuhkan operasi di Malaysia.

Sumber : dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian online

- (a) Jelaskan dorongan syarikat tersebut beroperasi di Malaysia. [7 markah]
- (b) Bagaimakah perkongsian strategik tersebut memberi impak kepada guna tenaga? [4 markah]
- (c) Perkongsian tersebut memberi manfaat kepada firma tempatan.
Buktikan. [9 markah]